

18 JUN 1999

Umno-Pesawah

PESAWAH TAK PERNAH PONTENG PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

Oleh: Mohd Nizam Yatim

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- "Ikutlah nasihat Dr Mahathir, Pak Cik percaya apa yang beliau cakap adalah betul belaka," kata seorang pesawah padi Haji Ahmad Taib, 78, dari Pendang.

"Jika anggota-anggota Umno menerima apa yang dicakapkan oleh Dr Mahathir, Pak Cik percaya Umno dan negara akan selamat," katanya ketika ditemui di ruang legar Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di mana sedang berlangsung Perhimpunan Agung Umno ke-53.

Haji Ahmad yang membelanjakan RM100 untuk datang ke sini bagi mengikuti perhimpunan agung parti itu berkata demikian ketika diminta pandangannya mengenai ucapan dasar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir, yang juga Presiden parti, menjelaskan mengenai ancaman kuasa Barat menjajah semula negara ini, tiada konspirasi penyingkiran bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kenapa kerajaan melaksanakan projek-projek besar.

"Mengikut pengalaman Pak Cik yang dah tua ini, apa yang dicakapkan oleh Dr Mahathir tentang Anwar adalah benar," kata Ahmad.

Ahmad berkata bagi perhimpunan kali ini, beliau turut membeli pakaian sebagai persediaan untuk datang ke Kuala Lumpur bersama-sama isterinya, Puteh Hassan, 50 tahun.

Untuk menjimatkan belanja beliau telah menumpang tidur di rumah anak lelakinya di Sungai Besi.

"Pak Cik hanya sekali sahaja tidak hadir pada perhimpunan Agung Umno iaitu pada 1983 apabila terpaksa menjalani pembedahan kerana sakit batu karang," katanya.

Ditanya mengenai hubungannya dengan Umno, beliau berkata dia bersama dua rakannya Bakar Mohamad, 75, dan Abdullah Endut, 74, telah mengasaskan Umno Bahagian Pendang pada 1946 setelah tertarik dengan idea perjuangan yang dibawa Datuk Onn Jaafar.

Semasa mula diasaskan, Umno Bahagian Pendang mempunyai keanggotaan seramai 50 orang yang terdiri daripada pesawah padi dan masing-masing telah menyumbang RM2 sebulan bagi membiayai kegiatan bahagian itu, katanya.

Anggota Parlimen Pendang sekarang ialah Datuk Othman Abdul, yang juga Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri.

Ahmad berkata beliau tidak pernah mengharapkan bantuan kewangan wakil rakyat untuk datang ke Perhimpunan Agung Umno, kerana "anggota Umno sejati tidak pernah mengharapkan bantuan orang lain, sebaliknya mereka sanggup berkorban wang ringgit sendiri semata-mata demi perjuangan parti."

Mengenai pesanan beliau kepada semua perwakilan dan pemerhati Umno yang menghadiri persidangan kali ini, beliau berkata: "Kita kena jaga Umno baik-baik. Kalau Umno kalah, susah nanti orang Melayu."

--BERNAMA

NY ZKS NAK